

AMANAT 2023

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan
Menteri Pertahanan

Tarikh : 5 Januari 2023 (Khamis)

Tempat : Auditorium, Wisma Pertahanan

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera*

Yang Berhormat Saudara Adly bin Zahari
Timbalan Menteri Pertahanan

Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin
Buang TUDM
Panglima Angkatan Tentera

Panglima-panglima Perkhidmatan

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya jua, dapat kita semua hadir dan berkumpul di pagi barakah ini, bersempena dengan Majlis Amanat Tahun 2023.
2. Pertama, saya ingin mengucapkan selamat tahun baru 2023, kepada semua warga MINDEF dan ATM yang berada di dalam negara dan juga di perantauan yang mengikuti majlis amanat ini. Saya juga dimaklumkan, majlis amanat ini turut disiarkan secara *live streaming* dan ditonton oleh warga MINDEF dan ATM di seluruh dunia.
3. Kepada yang sedang bertugas di perbatasan, dan tidak berpeluang bersama-sama kita dalam majlis ini, semoga tuan-tuan dan puan-puan, berada dalam keadaan yang sihat sejahtera hendaknya. Saya dan seluruh barisan kepimpinan MINDEF dan ATM, sentiasa mendoakan keselamatan dan kesejahteraan tuan-tuan dan puan-puan, walau di mana pun tuan-tuan dan puan-puan berada.

4. Saya yakin dan percaya, dengan tahun baharu, semangat dan iltizam kita warga kerja MINDEF dan ATM juga, mesti baharu. Walaupun tahun 2023 ini, akan menjadi lebih mencabar, dan bakal menguji diri kita, dengan cabaran-cabarannya, saya yakin, dengan kerjasama yang rapat di antara MINDEF dan ATM, kita akan dapat mengharunginya bersama. Bak kata pepatah, **apa digaduhkan, pengayuh sama di tangan, perahu sama di air**¹.
5. Sesungguhnya, cabaran yang menanti kita di tahun 2023 ini, tidak dapat kita jangka. Maka kita perlulah sentiasa bersedia dan peka, terhadap sebarang perubahan dan cabaran, yang bakal kita tempuh.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Pada pagi yang berbahagia ini, saya sangat berbesar hati kerana diberi peluang untuk menyampaikan Amanat Tahun 2023 kepada semua warga MINDEF dan ATM.
7. Saya telah diberikan taklimat daripada Ketua Setiausaha, Panglima Angkatan Tentera dan ketua-ketua sektor serta panglima-panglima perkhidmatan yang berkaitan. Taklimat-taklimat ini amatlah berguna, kerana ia membantu saya dalam mendapatkan maklumat terperinci, berkenaan fungsi serta peranan, pencapaian dan perancangan masa hadapan MINDEF dan ATM.

¹ Maksud pepatah: Tidak takut menghadapi lawan apabila sama-sama mempunyai kebolehan.

8. Dari taklimat-taklimat berkenaan, saya dapat melihat bahawa MINDEF dan ATM telah melakar banyak kejayaan-kejayaan, di pentas domestik mahupun antarabangsa. Saya yakin, kejayaan yang diperolehi ini, adalah kerana MINDEF dan ATM mempunyai warga kerja yang cemerlang dan berani mendepani segala cabaran. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

SUMBANGAN MINDEF DAN ATM KEPADA MASYARAKAT SEPANJANG TAHUN 2022

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Tanah Runtuh Batang Kali

9. Pada bulan Disember 2022 yang lalu, negara telah dikejutkan dengan pelbagai musibah, antaranya kejadian tanah runtuh di tapak perkhemahan Father's Organic Farm di Batang Kali yang telah meragut nyawa seramai 31 orang. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ATM, yang telah sama-sama terlibat dalam usaha mencari dan menyelamatkan selama 9 hari. Seramai 326 anggota dari 11 Briged Infantri Malaysia, serta pasukan anjing pengesanan daripada PULADA telah terlibat dalam misi mencari dan menyelamatkan tersebut.

Banjir

10. Hujan lebat berterusan di seluruh negara pada penghujung tahun 2022 telah mengakibatkan banjir, terutamanya di Terengganu dan Kelantan. Bagi melaksanakan misi bantuan bencana, seramai 1,200 anggota serta aset-aset ATM telah diatur gerak ke negeri-negeri yang terlibat. Saya amat berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh semua anggota ATM. Setinggi penghargaan diucapkan kepada semua warga ATM yang terlibat.
11. Selain itu, ATM juga antara yang terawal mengatur gerak aset bagi membantu mangsa banjir di Taman Sri Muda, Selangor tahun lepas di kala banyak pihak masih mencari-cari pelan tindakan yang bersesuaian. Melalui tindakan awal oleh ATM, bantuan awal dapat disalurkan dan ramai mangsa banjir telah dapat diselamatkan.
12. Komitmen yang dimainkan oleh MINDEF dan ATM, dalam operasi-operasi menyelamatkan seperti ini, membuktikan komitmen dalam merealisasikan aspirasi Kertas Putih Pertahanan yang mendukung aspek keselamatan, kedaulatan dan kemakmuran negara.

National Task Force (NTF)

13. Selain daripada membantu, dalam operasi-operasi menyelamatkan ketika bencana, ATM juga membantu, di dalam melaksanakan operasi di kawasan sempadan negara. Peranan ATM ini, telah diiktiraf, apabila diberi kepercayaan, untuk menerajui *National Task Force (NTF)* bersama-sama Polis Di-Raja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan agensi-agensi keselamatan yang lain.
14. NTF yang beroperasi, bermula dari 6 Mei 2020 sehingga 31 Disember 2022, telah banyak menyumbang, dalam memperkukuhkan kawalan persempadanan, baik daratan atau perairan negara, menerusi pelaksanaan Op Benteng. Op Benteng telah berjaya mengurangkan jenayah rentas sempadan, seperti kemasukan pendatang asing tanpa izin dan penyeludupan.
15. Sepanjang operasi ini berjalan, sebanyak 26,477 tangkapan, 4,415 rampasan melibatkan kenderaan darat, bot dan kapal, serta 4,314 pengusiran berjaya dibuat. Selain itu, nilai rampasan yang berjaya dibuat adalah sebanyak RM1.09 bilion.

CIMIC

16. Saya yakin bahawa, kejayaan-kejayaan yang saya telah sebutkan tadi, tidak akan dapat dicapai, sekiranya tiada kerjasama yang kuat antara ATM dan golongan awam. Kerjasama Awam-Tentera ataupun *Civil Military Cooperation (CIMIC)*, adalah pendekatan terbaik dalam membina kolaborasi, di antara ATM dan agensi-agensi Kerajaan, serta masyarakat di pelbagai peringkat.
17. Impak CIMIC ini dapat dirasai khususnya ketika negara berhadapan dengan wabak COVID-19. Kerjasama antara agensi awam dan tentera telah ditingkatkan, di mana kolaborasi yang terjalin, terutamanya dalam bidang perubatan dan kesihatan, telah memberikan kelebihan kepada negara dalam menangani wabak tersebut.
18. Melihat kepada hasil pelaksanaan CIMIC, MINDEF akan meneruskan program-program CIMIC pada tahun ini dengan memperkasakan Program Jiwa Murni, dan program bersama komuniti. Saya harap lebih banyak program CIMIC akan dapat dilaksanakan pada tahun 2023 ini.

HALA TUJU TAHUN 2023

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Sebagai rakyat Malaysia, kita tentunya ingin hidup di dalam sebuah negara yang selamat. Itulah yang menjadi panduan dan aspirasi kita, iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur. Tanpa meletakkan keselamatan pada kedudukan yang sepatutnya, adalah sukar untuk Malaysia menikmati kemakmuran ekonomi, dan hampir mustahil Malaysia boleh kekal sebagai negara yang berdaulat.

20. MINDEF dan ATM komited, untuk meneruskan pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan (KPP), iaitu dokumen strategik pertahanan negara, bagi tempoh 2021 sehingga 2030. Ini termasuklah, memastikan penerbitan dokumen-dokumen susulan, iaitu Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara, Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan, dan Pelan Pelaburan Pertahanan Negara. Selain itu, pelaksanaan KPP ini akan disokong, menerusi Pelan Strategik MINDEF 2021 sehingga 2025.

21. Bagi memastikan kejayaan agenda ini, sokongan padu dari semua warga MINDEF dan ATM, amatlah diperlukan. Saya juga mengajak semua warga, untuk berusaha gigih dan dengan penuh tanggungjawab, bagi memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) kementerian, dapat dicapai dengan jayanya dan mengecap pencapaian yang lebih unggul pada tahun ini.

22. Untuk mengharungi tahun 2023 yang mencabar ini, saya juga menyeru seluruh warga MINDEF dan ATM, untuk terus memberikan komitmen yang tinggi, agar kita dapat menongkah, segala gelora yang mendatang, agar kita mampu memberikan nilai tambah, kepada organisasi dan seterusnya kepada rakyat. Ini semua akan mampu kita lakukan, sekiranya kita tidak bekerja secara silo, dan terus memberikan fokus kepada pembaharuan, dalam penyampaian perkhidmatan, pengurusan sumber manusia dan reformasi institusi secara menyeluruh.

PENINGKATAN KESIAGAAN DAN KEUPAYAAN PERTAHANAN DALAM MELINDUNGI KEPENTINGAN NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

23. Saya telah dimaklumkan oleh pengurusan tertinggi MINDEF dan ATM, akan keperluan untuk meningkatkan tahap kesiagaan dan keupayaan pertahanan negara, ke peringkat lebih tinggi, bagi memastikan, keselamatan dan kedaulatan negara terpelihara. Kemampuan ATM untuk melaksanakan Tonggak Strategi Pertahanan yang pertama, iaitu Cegah Rintang Berpadu, bergantung kepada komitmen Kerajaan, untuk memberi peruntukan pertahanan yang mencukupi. Selain itu, adalah penting juga, setiap peruntukan yang diberikan, dapat dibelanjakan pada tahun semasa, agar pelaksanaan projek pembangunan, perolehan dan senggaraan, dapat dilaksanakan mengikut jadual.

24. Pembangunan keupayaan dan kapasiti pertahanan akan diteruskan dalam tempoh 2021 sehingga 2030, iaitu merangkumi Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rancangan Malaysia Ke-13, seperti yang digariskan di bawah KPP. Bagi tahun ini, Kerajaan dijangka akan memperuntukkan sebanyak, RM17.4 bilion kepada MINDEF, iaitu sebanyak RM11.4 bilion bagi belanja mengurus, dan sebanyak RM5.9 bilion bagi belanja pembangunan.

25. Sebanyak 281 perolehan, merangkumi semua perkhidmatan ATM, dengan unjuran nilai RM8 bilion, telah dirancang bagi tahun ini. Ini termasuklah perolehan Meriam 155 milimeter *Self-Propelled Howitzer*, Kenderaan Perisai APC untuk MALBATT 850 di Lubnan dan *High Mobility Armoured Vehicle (HMAV)* bagi Tentera Darat, penyelenggaraan aset ketenteraan sedia ada seperti pasang pulih KD Laksamana, KD Jerai dan KD Lekir untuk TLDM, serta penyelenggaraan pesawat C130 dan pembekalan alat-alat ganti pesawat-pesawat TUDM. Selain daripada itu, perolehan-perolehan strategik seperti *Maritime Patrol Aircraft (MPA)* dan *Medium-altitude Long-endurance Unmanned Aircraft System* masih diteruskan.
26. Saya juga akan berusaha untuk memastikan perolehan *Light Combat Aircraft (LCA)* dapat diputuskan oleh Kementerian Kewangan pada tahun ini. Di samping itu, saya juga akan berusaha untuk memastikan keutamaan perolehan *Littoral Mission Ship (LMS)* untuk TLDM dapat dipertimbangkan oleh Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan. Justeru, saya akan melihat semula keutamaan projek perolehan baharu bagi tahun ini.

27. Saya turut memandang serius projek pembinaan kapal *Second Generation Patrol Vessel* berkeupayaan *Littoral Combat Ship*, LCS untuk TLDM, demi mengukuhkan pertahanan dan perairan negara. Saya akan meneruskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh MINDEF dan TLDM serta agensi lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera bagi merealisasikan penyiapan kapal LCS. Insyaa-Allah dalam masa terdekat, pelan untuk memulakan semula projek ini akan saya bentangkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri.
28. Saya menyeru agar semua pihak, merancang dengan rapi, keperluan program-program yang kritikal, dan berkeutamaan tinggi, untuk dilaksanakan, berdasarkan bajet yang telah diluluskan, memandangkan situasi ekonomi dan kewangan negara, belum pulih sepenuhnya. Semua proses dan prosedur kewangan semasa, perlu dipatuhi, dan semua projek yang dirancang, mesti disegerakan, terutamanya yang melibatkan peruntukan One-Off, dan Program Khusus yang wajib dibayar pada tahun semasa.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

29. Selain memastikan kesiagaan, bagi domain pertahanan darat, laut dan udara, kita juga akan terus membina keupayaan dan kapasiti, dalam domain siber dan elektromagnetik. Ancaman-ancaman di domain siber, dilihat semakin meningkat, dan jika dibiarkan, berisiko memporak-perandakan pertahanan negara. Pengumuman oleh PAT, semasa Sambutan Hari ATM ke-89, agar satu cabang baharu ditubuhkan, bagi mempertahankan domain siber dan elektromagnetik negara, adalah satu langkah yang tepat pada masanya, dan perlu dijayakan segera.

PELESTARIAN KESEJAHTERAAN WARGA KERJA PERTAHANAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

30. Secara peribadi, aspek kebajikan dan kesejahteraan warga kerja pertahanan sangat saya titik beratkan. Keutamaan saya adalah untuk memastikan, segala peruntukan yang disediakan bagi kepentingan kebajikan warga MINDEF, ATM dan veteran dilaksanakan segera dan tidak akan dilengahkan lagi. Ini juga selaras dengan komitmen Kementerian, dalam menjaga kebajikan warga kerja pertahanan dan veteran, seperti yang digariskan, dalam KPP.

31. Blueprint Perumahan 3.0 yang dilancarkan, pada 13 Julai 2022, merupakan salah satu usaha MINDEF bagi menjamin kesejahteraan warga kerja pertahanan dan veteran. Di bawah Blueprint tersebut, sebanyak 12,000 unit Rumah Keluarga Angkatan Tentera, atau RKAT, dirancang untuk dibina, dalam tempoh RMKe-12 dan RMKe-13. Bagi tahun 2022, sebanyak 468 unit telah siap dibina, manakala tahun ini kita menyasarkan sebanyak 409 unit siap dibina.

32. Infrastruktur kesihatan berkualiti juga, merupakan salah satu elemen penting, dalam pembinaan sesebuah negara yang sejahtera. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, MINDEF telah mewujudkan, Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan ATM 2017-2050, yang bermatlamat, untuk meluaskan perkhidmatan kesihatan kepada warga MINDEF dan ATM, veteran dan tanggungan mereka.

33. Ini dapat dicapai, menerusi penambahan poliklinik Angkatan Tentera, di lokasi-lokasi terpilih, seperti Sungai Petani, Kluang, Kuantan dan Kuala Terengganu. Selain memberikan perkhidmatan kepada warga MINDEF dan ATM, veteran dan tanggungan, poliklinik tersebut, juga memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan sekitar.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

34. Golongan veteran, adalah individu gagah dan berani, yang telah berkhidmat dalam ATM, dengan mempertaruhkan nyawa dan menyerahkan seluruh jiwa raga mereka, untuk menjaga keselamatan dan mempertahankan kedaulatan negara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan terus menjaga kebajikan warga veteran, sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan ikhlas mereka.
35. Saya sedar bahawa, veteran ATM yang bersara seawal usia 39 tahun, perlu meneruskan hidup di 'alam baharu', iaitu 'dunia awam', yang berbeza liku dan keluk cabarannya, demi menampung keluarga mereka yang mempunyai anak yang masih kecil.
36. Oleh itu, saya akan meneruskan dan memperkasakan agenda pembangunan sosioekonomi veteran ATM. Dua aktiviti yang akan diberikan perhatian khusus ialah, Peluang Kerjaya Kedua serta Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM.
37. Agenda ini juga sejajar, dengan Strategi Peningkatan Taraf Sosioekonomi Veteran ATM, yang dibangunkan melalui Pelan Strategik MINDEF, bagi membantu warga veteran, yang tergolong di dalam kelompok B40, untuk beralih masuk ke dalam kumpulan M40.

PEMBANGUNAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INDUSTRI PERTAHANAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

38. Pada tahun lepas, MINDEF telah berjaya, menganjurkan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia, DSA 2022. Lebih daripada seribu syarikat keselamatan tempatan dan antarabangsa, telah menyertai pameran berkenaan, yang telah dihadiri oleh lebih 33 ribu pengunjung. Tahniah saya ucapkan atas kejayaan penganjuran pameran tersebut.
39. Pada tahun ini pula, kita akan menganjurkan Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA 2023), dari 23 hingga 27 Mei, bertempat di Pulau Langkawi. LIMA 2023 dijangka, akan disertai oleh 600 pempamer, dan menerima kehadiran, lebih 50,000 tetamu dalam dan luar negara. Saya berharap penganjuran LIMA pada tahun ini akan berjaya seperti penganjuran DSA pada tahun lepas. Saya ingin menyeru kerjasama semua pihak agar kita dapat bersama-sama menjayakan pameran ini.
40. Pada tahun ini juga, kita menyasarkan pelancaran, Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN), yang akan menjadi satu dokumen strategik, serta kerangka gerak kerja menyeluruh kementerian, dalam industri pertahanan negara.

41. DIPKN menyasarkan, untuk melonjakkan industri pertahanan dan keselamatan tempatan, agar menyumbang kepada ekonomi negara, seterusnya mengurangkan aliran ringgit ke luar negara. Saya ingin pastikan supaya DIPKN dapat dilancarkan tahun ini.

PENGUKUHAN KERJASAMA ANTARABANGSA DALAM MENJAMIN PERTAHANAN NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

42. Tahun 2022 adalah, tahun yang mencabar bagi persekitaran keselamatan global. Konflik Russia dan Ukraine yang tercetus, bermula penghujung Februari tahun 2022, telah mendatangkan kesan negatif, bukan sahaja kepada benua Eropah, bahkan seluruh dunia. Di rantau ini pula, persaingan antara kuasa-kuasa besar, telah menimbulkan ketegangan, terutamanya di perairan Laut China Selatan.

43. Oleh itu, MINDEF memainkan peranan yang besar, bagi menyokong segala usaha-usaha diplomasi negara, bagi memastikan kepentingan negara, dapat dijaga. Adalah penting untuk Malaysia untuk meneruskan hubungan baik dengan negara-negara rakan, selaras dengan Tonggak Ketiga Strategi Pertahanan Negara, iaitu, Perkongsian Berwibawa.

44. Saya memahami bahawa, diplomasi pertahanan adalah, salah satu komponen penting, dalam pertahanan negara. Oleh itu pada tahun 2023, saya dan kepimpinan tertinggi MINDEF, akan meneruskan komitmen Malaysia di persada antarabangsa. Saya akan memulakan pertemuan dua hala dengan rakan-rakan sejawat, dari negara-negara ASEAN, dalam masa yang terdekat ini.
45. Saya juga akan meneruskan dan mempertingkatkan inisiatif-inisiatif sub-rantau, ke peringkat lebih tinggi, iaitu melalui *Malacca Straits Patrol (MSP)* dan *Trilateral Cooperative Arrangement (TCA)* yang terbukti berkesan dalam menangani ancaman keselamatan maritim, khususnya di Selat Melaka dan Laut Sulu serta Laut Sulawesi.
46. ASEAN akan terus kekal sebagai fokus utama diplomasi pertahanan negara. Oleh itu, saya akan memastikan penglibatan aktif MINDEF dan ATM dalam dua platform ASEAN, iaitu *ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM)* dan *ASEAN Defence Ministers' Meeting - Plus (ADMM-Plus)*. Malaysia juga akan meneruskan komitmen dalam *Five Power Defence Arrangements (FPDA)* yang telah lama menyumbang kepada peningkatan pengetahuan, kemahiran dan tahap profesionalisme ATM.

TADBIR URUS TERBAIK

Hadirin yang saya hormati sekalian,

47. Seperti yang kita sedia maklum, Dewan Rakyat pada 20 Disember 2022, telah bersetuju untuk meluluskan mini bajet 2023, yang merangkumi beberapa insentif kepada penjawat awam. Ini membuktikan bahawa Kerajaan mengiktiraf sumbangan penjawat awam. Antara insentif-insentif yang diluluskan adalah Bantuan Khas Kewangan RM700 bagi penjawat awam gred 56 ke bawah dan Kenaikan Gaji Tambahan Khas RM100 tahun 2023 bagi penjawat awam gred 11 hingga 56.
48. Oleh itu, selaku penjawat awam, adalah wajar untuk kita semua memberikan perkhidmatan yang terbaik, setimpal dengan pengiktirafan tersebut. Ini termasuklah, melestarikan kelangsungan amalan pembudayaan integriti, di dalam perkhidmatan awam.
49. Saya ingin mengajak kita semua, untuk memberi perhatian ke atas beberapa perkara, demi memastikan perkhidmatan awam kita bertaraf dunia.
 - a. Pertama, mari kita semua mengikhlaskan niat dalam melaksanakan kerja yang dipertanggungjawabkan, bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT.

- b. Kedua, menjadikan integriti dan amalan tadbir urus, sebagai nilai utama dalam pekerjaan, dan elemen penting dalam pengurusan organisasi.
- c. Ketiga, meningkatkan iltizam, untuk bekerja bersungguh-sungguh, bagi memberikan hasil kerja yang berkualiti dan memberikan manfaat.
- d. Dan akhir sekali, menjauhkan diri dari sifat-sifat mazmumah, seperti menyeleweng, salah guna kuasa, dan terlibat dalam amalan rasuah.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

- 50. Sebagai sebuah keluarga besar MINDEF, marilah bersama-sama dengan saya dan membantu saya agar kita dapat mencapai semua perancangan yang disasarkan pada tahun ini. Saya amat berharap, semua usaha ini disokong dan mendapat kerjasama, daripada setiap lapisan warga kerja pertahanan.
- 51. Mari kita sama-sama berdoa, semoga kita sentiasa diberkati Allah SWT dan dipermudah segala urusan. Marilah kita melangkah ke tahun 2023 ini, dengan lebih berani dan yakin, bahawa tahun yang baharu ini akan lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya, insya-Allah.

52. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz
Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.